

JEJAK HILANG YANG PULANG: MENYINGKAP KONSEPTUALISASI MAKNA

Sara BEDEN¹

¹Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

sara.beden@ipgm.edu.my

Received: 24th July 2023

Accepted: 19th September 2023

ABSTRAK

Pengarang merupakan seorang arkitek yang membina struktur atau kerangka teks dan mengisinya dengan siratan makna. Siratan makna ini sewajarnya dizahirkan menerusi konseptualisasi yang signifikan dengan pemikiran dalam teks. Konseptualisasi merujuk pada proses pembentukan atau pengembangan konsep dalam pemikiran yang melibatkan pengorganisasian gagasan, idea, atau maklumat sehingga menjadi konsep yang lebih jelas dan berstruktur. Dalam karya sastera, konseptualisasi amat signifikan untuk memprojeksikan makna, aspirasi dan mesej yang disampaikan oleh pengarang. Sesebuah karya sastera bertindak sebagai saluran untuk mengekspresi intelek, menzahirkan emosi, menyalurkan mesej dan menyuguhkan amanat melalui pemilihan dan penggunaan diksi dalam bentuk kata kunci atau konsep dan simbol yang membentuk konseptualisasi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konseptualisasi Abang Median dalam novel *Jejak Hilang Yang Pulang* karya Abang Median Abang Said. Teori Konseptual Kata Kunci yang dirintis oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan digunakan sebagai kerangka teoretis dalam kajian ini. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memfokuskan pada analisis teks novel tersebut. Hasil analisis mendapat enam kata kunci, iaitu “pencarian”, “perpindahan”, “kunang-kunang”, “pembangunan”, “anai-anai” dan “ombak” mengkomunikasikan medan makna yang signifikan dalam novel ini. Konseptualisasi tersebut mencerminkan makna tersurat dan tersirat menerusi simbol yang dipilih oleh pengarang dalam menyampaikan pemikiran, isu-isu dan mesej kehidupan. Kesimpulannya, Konseptual Kata Kunci berupaya merungkai medan makna dalam novel kajian dalam merincikan kisah kehidupan masyarakat yang dapat dijadikan pengajaran dalam perjuangan meneguhkan keimanan demi kesejahteraan hidup. Kajian lanjut novel ini boleh dilakukan dengan menggunakan Teori Sosiologi agar isu-isu kemasyarakatan mampu dikupas dengan rinci.

Kata kunci: simbol; konseptualisasi; kunang-kunang; Jejak Hilang yang Pulang; makna.

JEJAK HILANG YANG PULANG: UNEILING THE CONCEPTUALISATION OF MEANING

ABSTRACT

The author is like an architect who constructs the structure or framework of the text and fills it with layers of meaning. These layers of meaning should be conveyed through significant conceptualization within the text. Conceptualisation refers to the formation process or development of concept in thinking which involves the organising of concepts, ideas or information to achieve a clearer and structured concept. In literary works, conceptualisation is essential in projecting meanings, aspirations and messages conveyed by the author. A literary work acts as a channel to express intellect and emotions, conveying messages and presenting mandate through the selection and the use of diction in the form of keywords or concepts and symbols that form conceptualisation. Therefore, the purpose of this study is to identify and analyse the conceptualisation of Abang Median in the novel "Jejak Hilang Yang Pulang" by Abang Median Abang Said. The Conceptual Keyword Theory pioneered by Mohamad Mokhtar Abu Hassan is used as the theoretical framework in this study. This study fully applies qualitative methods, focusing on the analysis of the novel's text. The results' of the study identified six keywords: "pencarian", "perpindahan", "kunang-kunang", "pembangunan", "anai-anai" dan "ombak" which communicate the fields of meaning that are significant in this novel. The conceptualisation reflects the explicit and implicit meaning through symbols selected by the author in conveying the thoughts, issues and life messages. In conclusion, the Keyword Conceptual framework is able to unravel the field of meaning in literary work, in elaborating the story of community life that can serve as a lesson in the effort of strengthening one's faith to achieve the well-being of life. Further study of this novel can be conducted using Sociological Theory so that societal issues can be thoroughly dissected.

Keyword: symbol; conceptualization; fireflies; Jejak Hilang Yang Pulang; meaning.

Pengenalan

Penghasilan karya sastera memiliki fungsi dan peranannya yang tersendiri. Sastera berupaya memperkembangkan minda masyarakat seiring dengan perubahan zaman. Genre sastera novel, cerpen, sajak dan drama hasil ciptaan pengarang menzahirkan unsur-unsur pengajaran atau mesej sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi (2015) menegaskan bahawa karya sastera merupakan karya yang indah dan berfaedah. Karya-karya ini dibentuk melalui jalinan dan siratan bahasa yang melambang dan mengkomunikasikan makna. Mana Sikana (2009) turut menegaskan bahawa kekuatan karya terletak pada aspek-aspek dan unsur-unsur yang diadun dan diolah termasuklah penggunaan bahasa yang mencerminkan ketinggian nilai estetiknya. Justeru, pengarang yang menghasilkan sebuah karya sastera harus berupaya memanipulasikan bahasa dengan nilai estetiknya menerusi penggunaan simbol-simbol yang mengkonsepsikan sesuatu mesej, hasrat mahupun mesej agar berdaya untuk mendidik dan mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai yang baik. Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamaruddin (2015), memperjelas bahawa mesej ataupun pengajaran yang dibawakan oleh seseorang penulis wujud untuk ditafsir oleh setiap pembaca yang memberi penilaianya sama ada mesej itu berguna ataupun sebaliknya. Tahap tanggapan masyarakat akan membantu mengangkat atau menemukan mesej yang dibawakan oleh seseorang pengarang.

Wajah sastera di Sarawak semakin berkembang dengan kemunculan pengarang-pengarang yang prolifik dan salah seorang daripadanya ialah Abang Median Abang Said. Abang Median Abang Said merupakan guru Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Marudi, Baram. Keupayaannya dalam bidang penulisan bermula sejak beliau di bangku sekolah lagi tatkala cerpennya yang bertajuk *Pentas Opera* memenangi Sayembara Penulisan Cerpen Pelajar pada tahun 1991. Bertitik tolak daripada pertandingan tersebutlah bakatnya dikesan sehingga dijadikan anak angkat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak melalui Program Penulis Iruan. Antara novel beliau ialah *Antara Dua Titik*, *Igaukan Igau* dan *Penebus Kalbu*. Pencapaian cemerlangnya dalam penulisan novel semakin menyerlah tatkala novelnya *Jejak Hilang Yang Pulang* (JHYP) memenangi hadiah pertama dalam sayembara penulisan novel kebudayaan sempena 40 tahun DBP Sarawak dan terbit pada tahun 2020.

JHYP suatu ciptaan dan rekaan Abang Median yang menzahirkan falsafah kehidupan menerusi konflik dan permasalahan yang membelenggu manusia akibat perbuatan masa lalu sehingga memberikan impak yang besar kepada kehidupan insan lain pada masa hadapan. Novel ini mengheret khalayak pembaca untuk merenung percaturan kehidupan yang seumpama sebuah teka-teki kerana sukar menemukan jawapannya dan ibarat sebuah lukisan yang penuh warna - warni di atas kanvas. Percaturan kehidupan dalam novel ini umpsama perbuatan silam yang mencerminkan masa depan yang keceluaran jika tidak dicari penyelesaiannya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konseptualisasi Abang Median dalam menyampaikan mesej dan makna menerusi konseptualisasi yang signifikan dalam JHYP dengan berlandaskan teori Konseptual Kata Kunci yang dipelopori Mohd Mokhtar Abu Hassan (2007).

Sorotan Kajian

Sorotan kajian dalam makalah ini membuat penelitian terhadap kajian-kajian yang menggunakan teori Konseptual Kata Kunci dan kajian terhadap novel *Jejak Hilang Yang Pulang* (JHYP) karya Abang Median Abang Said (2020). Dilah Tuah (2020) telah membuat penelitian terhadap novel JHYP dengan menggunakan pendekatan Hermenuetik, iaitu pendekatan yang tidak hanya melihat teks sebagaimana teks yang tercatat, tetapi teks itu bersifat *quasi-text* (teks separa) atau *text analogue* (teks analog) yang dimanfaatkan untuk mentafsir horizon makna dalam kewujudan teks yang lebih luas. Dalam novel ini, pengarang telah menimbulkan makna lahiriah dan batiniah, iaitu melalui prolog, serpihan-serpihan waktu dan perca-perca kenangan yang telah dikutip serta dicantumkan semula sehingga menjadi sebuah epilog yang cukup membahagiakan. Serpihan duka dan sejarah lama telah bercantum semula di rumah pusaka dan di tanah tumpah darah keluarga Zullafi. Watak-watak seperti Khair, Zahid, Amni dan Qaem telah bersatu di rumah pusaka milik Zullafi. Kajian dari sudut Hermenuetik tidak meneliti dan merungkai aspek kata kunci dalam JHYP sebagaimana kajian ini.

Antara kajian yang menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci ialah kajian oleh Zalilah Zainudin (2007) yang bertajuk "Konseptual-Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-cerpen Karya Keris Mas" yang meneliti konsep perjuangan, konsep kemiskinan dan konsep kepimpinan dalam karya Keris Mas menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci. Setiap kata kunci yang menggambarkan konsep perjuangan, konsep kemiskinan dan konsep kepimpinan telah dianalisis. Kajian ini menemukan bahawa Keris Mas meneliti perubahan masa, persekitaran, iaitu masyarakat atau sosial termasuk politik, usia dan faktor-faktor lain sehingga mempengaruhi konsepsinya dalam membahaskan sesuatu konsep.

Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamaruddin (2015) telah mengkaji mesej pengarang dalam novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas. Kajian ini mendapati bahawa, mesej pengarang adalah berkaitan dengan tuntutan kepentingan menuntut ilmu. Konsep pembawaan jalan cerita ini telah dirungkaikan oleh Keris Mas bertujuan menjurus kepada ilmu-ilmu yang bermanfaat. Mesej kepentingan menuntut ilmu ini, lahir seiring dengan faktor yang telah mempengaruhi kepengarangan Keris Mas yang antaranya pendidikan yang diterima dari pelbagai iklim negara (Malaysian, Indonesia, Singapura), persatuan yang diikuti seperti ASAS 50 yang mendukung konsep "Seni untuk Masyarakat", lapangan bidang yang diceburinya seperti sebagai wartawan, penulis dan pegawai penerangan serta anugerah yang diperoleh telah menyebabkan penzahiran kewujudan mesej menuntut ilmu dalam novel *Anak Titiwangsa* ini.

Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) dalam tesis kedoktorannya telah mengkaji cerpen-cerpen Anwar Ridhwan dengan menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci untuk menganalisis konseptualisasi Anwar Ridhwan tentang konsep kepimpinan, konsep kemiskinan dan konsep perjuangan melalui kata kunci dan simbol. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep kemiskinan, kepimpinan dan perjuangan serta konsep simbol amat signifikan apabila diteliti dengan menggunakan Konseptual Kata Kunci kerana berupaya mencerminkan mesej dan pemikiran yang hendak disuguhkan oleh pengarang. Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) telah membuat penelitian menerusi novel *Penyeberang Sempadan* dengan menggunakan Konseptual Kata Kunci. Hasil kajian ini membuktikan bahawa konsep perjuangan dikenal pasti menerusi kata kunci penderitaan, pengorbanan dan usaha memerdekaakan negara daripada cengkaman penjajah. Para pejuang sanggup menderita dan menggadaikan nyawa demi kemerdekaan dan kesejahteraan rakyat. Konseptualisasi ini dikenal pasti menerusi kata kunci dan simbol dalam novel ini. Teori Konseptual Kata Kunci didapati berupaya menyampaikan konsep perjuangan Anwar Ridhwan yang tersurat melalui kata kunci dan yang tersirat menerusi simbol.

Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin et al. (2020), tentang konseptual futuristik eutopia pengarang berdasarkan novel *Baldatun Thoiyyibatun*. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh konseptual futuristik eutopia pengarang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan beragamnya, iaitu agama Islam dan bangsanya sendiri, iaitu Melayu. Justeru, futuristik eutopia di Malaysia dapat disimpulkan mempunyai aspek politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, bahasa dan agama Islam. Mohd Daud Ibrahim (2015) dalam tesis sarjana yang bertajuk "Cinta kepada Ilahi dalam Puisi Darma Mohammad" turut menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci sebagai kerangka analisis. Kajian ini mendapati bahawa tiga konsep utama, iaitu cinta kepada Ilahi meliputi konsep kekasih dan perindu (mahbub asyik), konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan Sufi dan kerohanian serta cinta kepada Allah meliputi konsep kehambaan (ubudiyyah). Impaknya, teoritikal Konseptual Kata Kunci berjaya membuktikan perasaan cinta penyair kepada Allah menerusi ungkapan-ungkapan berunsur cinta kepada Ilahi berdasarkan empat buah kumpulan puisi, iaitu *Genyut Nafas*, *Nafas dari Lembah Atar*, *Fikir* dan *Janjang Iktikaf*. Cinta kepada Allah digarap berdasarkan tunjang utama yang menjurus kepada kerohanian dan keimanan.

Kajian yang menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci sebagai kaedah kajian juga terdapat dalam artikel oleh Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatul Adawiah (2015) yang bertajuk "Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnon Ahmad". Tujuan artikel tersebut ditulis adalah untuk melihat pemikiran politik: pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad, iaitu novel *Shit* dan *Patriarch* serta ingin melihat sejauh mana kepincangan dalam dunia politik akibat daripada sikap pemimpin. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, menganalisis kandungan teks dan mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pemikiran politik dalam novel Shahnon Ahmad, iaitu pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Sungguhpun begitu, tujuan artikel tersebut ditulis kelihatan kabur pada bahagian abstrak yang sepatutnya ditulis dengan jelas dan tepat.

Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din & Abdul Razak@Abdulroya Panaemala (2020) dalam kajian terhadap puisi berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci mendapati bahawa Muhammad Haji Salleh tidak terlepas daripada mencipta puisi-puisi yang mengandungi unsur kosmos, iaitu unsur alam. Penonjolan unsur kosmos oleh pengarang menunjukkan bahawa pengarang memiliki sensitiviti terhadap persekitaran. Secara tidak langsung hal tersebut telah meninggalkan impak dalam penulisan *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* oleh pengarang. Konseptualisasi penyair timbul berdasarkan lingkaran kehidupan dan pengalaman penyair itu sendiri. Berdasarkan sorotan literatur, didapati kajian-kajian lepas memperlihatkan kekuatan teori Konseptual Kata Kunci dalam menyurati dan menyirati makna serta konseptualisasi pengarang dalam karya-karya ciptaan mereka. Justeru, kajian ini membuat penelitian terhadap novel JHYP dengan menggunakan Konseptual Kata Kunci. Tambahan pula, setakat ini belum ada kajian yang meluas terhadap novel JHYP.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah kualitatif. Kaedah kepustakaan melibatkan pencarian sumber-sumber rujukan dan sorotan literatur yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu kajian tentang novel JHYP dan kajian menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci. Sumber bertulis ilmiah seperti tesis, ensiklopedia, laporan penyelidikan, kertas kerja seminar dan prosiding digunakan untuk mendapat data yang bersesuaian atau relevan dengan topik yang dikaji. Pencarian maklumat secara maya turut dilakukan dengan menggunakan laman sesawang yang berkaitan jurnal-jurnal yang bersesuaian dengan kajian. Kaedah kualitatif merujuk kepada analisis kandungan, iaitu menganalisis kandungan novel JHYP karya Abang Median Abang Said (2020). Kajian ini menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang dipelopori oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Teori ini digunakan dengan tujuan untuk menemukan kata kunci dan konsep-konsep asas yang mendasari teks JHYP berdasarkan ciptaan dan rekaan pengarang. Aspek isi kandungan yang dianalisis ialah kata-kata kunci yang signifikan dan menginterpretasikan konsepsi pengarang untuk menyampaikan makna dan mesej kehidupan kepada khalayak pembaca. Kajian ini mengaplikasikan dua prinsip dalam Teori Konseptual Kata Kunci yang digunakan dalam analisis.

Teori Konseptual Kata Kunci

Teori Konseptual Kata Kunci diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan mantan pensyarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Teori Konseptual Kata Kunci mengandungi tiga prinsip utama, iaitu prinsip kepengaruan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Konsepsi atau dalam bahasa Inggeris *conception* bermaksud *act of forming idea or notion* (Manu Sikana, 2009). Walau bagaimanapun, konsepsi setiap individu berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini bergantung pada latar belakang, pendidikan, lingkungan masyarakat, kepercayaan, adat budaya, ideologi, pertubuhan yang dianggotai dan faktor lain.

Prinsip pertama ialah *kepengaruan* yang berhubung kait dengan pengarang. Mokhtar Abu Hassan (2007) memperjelas bahawa dalam prinsip ini, konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal atau perkara sedikit sebanyak dipengaruhi latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi dan politik. Menurut beliau lagi, faktor umur, masa dan peredaran zaman juga turut memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Oleh itu, latar belakang pengarang dan hal-hal yang berkaitan dengan diri pengarang perlu diteliti secara menyeluruh oleh pengkaji. Pemahaman mengenai konseptual pengarang tentang perkara yang ingin disuguh juga dapat diketahui menerusi penelitian dari segi unsur intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran) proses pengkaryaan seseorang pengarang. Prinsip kedua dalam teoritikal Konseptual Kata Kunci ialah *pemilihan kata* yang berhubung dengan karya sastera. Dalam prinsip ini, pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu hal, isu, perkara, objek dan sebagainya (Mokhtar Abu Hassan, 2007). Pemilihan kata-kata bagi sesuatu konsep dalam sesebuah karya sastera mungkin diungkapkan melalui kata-kata konkret ataupun abstrak atau gabungan kedua-duanya sekali.

Prinsip ketiga dalam Teori Konseptual Kata Kunci ialah *kesan yang melibatkan khalayak pembaca*. Setiap hasil karya seseorang pengarang memiliki konsepsinya yang tersendiri menerusi pemilihan kata atau daksi yang digunakan bagi menyampaikan pemikirannya. Mokhtar Abu Hassan (2007) menjelaskan bahawa konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, perkara, hal dan sebagainya ini pula dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang. Walau bagaimanapun, seseorang khalayak pembaca mempunyai tafsirannya tersendiri terhadap konsepsi seseorang pengarang berdasarkan penelitiannya terhadap karya. Ringkasnya, kajian ini membataskan penggunaan teori ini kepada dua prinsip, iaitu prinsip pertama, iaitu kepengaruan dan kedua dari segi pemilihan kata oleh pengarang.

Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan dapatan analisis novel JHYP dalam kajian ini dipapar secara serentak dengan menggabungkan kedua-dua prinsip berdasarkan Konseptual Kata Kunci bagi mengenal pasti dan menganalisis konseptualisasi Abang Median.


Konseptualisasi Abang Median dalam *Jejak Hilang yang Pulang*

Menurut Innis (1985, p.19), *concept or the symbol part of a mental sign is often related to one's past experiences in life*. Hamzah Hamdani (1988, p.6) mentakrifkan konsep sebagai *mental construct* yang mengatur pemikiran dan menerangkan sesuatu fenomena. Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman (2015, p.145) mentakrifkan konseptualisasi sebagai tanggapan atau idea yang terbentuk dalam minda seseorang berhubung sesuatu hal, objek atau peristiwa. Justeru, dapat disimpulkan bahawa konseptualisasi merujuk kepada idea dan simbol yang diatur mahupun dibentuk oleh pengarang untuk

menzahirkan sesuatu peristiwa, perkara mahupun pemikiran. Berdasarkan analisis terhadap novel JHYP terdapat enam kata kunci yang signifikan medan maknanya dalam menyampaikan konsepsitualisasi pengarang untuk menyampaikan mesej, makna dan aspirasi dalam JHYP. Kata-kata kunci tersebut terdapat dalam Rajah 1 berikut:

Rajah 1

Kata Kunci



Berdasarkan Rajah 1, enam kata kunci tersebut menzahirkan konsep yang digunakan oleh pengarang bagi menzahirkan konsepsitualisasi pengarang sekali gus menyampaikan mesej, makna dan aspirasi kehidupan dalam novel JHYP. Enam kata kunci, iaitu “pencarian”, “perpindahan”, “kunang-kunang”, “pembangunan”, “anai-anai” dan “ombak” mengkomunikasikan medan makna yang signifikan dalam novel ini. Konseptualisasi tersebut mencerminkan makna tersurat dan tersirat menerusi simbol yang dipilih oleh pengarang dalam menyampaikan pemikiran, isu-isu, mesej dan aspirasi pengarang kepada khalayak. Berdasarkan sorotan, konsep-konsep tersebut amat erat hubungannya dengan diri manusia dan alam. Tambahan pula, pengarang merupakan seorang guru yang bertugas di Baram yang terletak di Bahagian Miri, Sarawak yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan memiliki sejarah politiknya tersendiri.

Justeru, latar Miri dan Limbang amat signifikan dalam karya ini. Pengarang menggunakan latar Limbang yang ditandai dengan makanan dan buah-buahan serta acara pesta masyarakatnya supaya khalayak terdedah dengan kebudayaan masyarakat Limbang khususnya menerusi watak Qaem. Mengapakah Limbang? Pengarang sengaja menghantar Qaem ke Limbang kerana di sinilah asal keturunan ayah Qaem. Tersiratnya, pengarang mahu Qaem mengetahui budaya hidup keluarga dan keturunannya. Limbang juga merupakan kampung halaman Abang Median yang akrab dengan dirinya. “Ikan tahai” yang disebut Qaem sambal tahai merupakan *signature* di Lawas dan Limbang yang dihasilkan menerusi kaedah penyalian. Pemprosesan hasil laut terkenal ini terletak di Kampung Awat-Awat kira-kira 22 kilometer dari pekan Lawas. Ikan tahai dijual pada harga RM15.00 untuk satu kilogram dan mampu mencecah RM25.00 pada musim tengkujuh. Justeru, pengarang menggunakan latar ini dengan signifikan agar identiti, keunikan dan budaya masyarakat Limbang mampu mewakili warna tempatan. Peta negeri Sarawak di bawah ini menunjukkan kedudukan Miri yang bersebelahan dengan Limbang dan lokasi Limbang yang bersempadan dengan Sabah, iaitu:

Rajah 2*Peta Lokasi Limbang di Sarawak*


Simbol “anai-anai”, “ombak” dan “kunang-kunang” merupakan unsur alam yang berlegar di sekitar kita, begitu juga dengan tempat kelahiran pengarang yang memberikan makna kepada pengarang dalam menyampaikan mesej dan aspirasi. Kedudukan Miri dan Limbang yang disempadani gerigi laut memberikan pengaruh kepada pengarang dalam menggarap novel ini. Unsur alam amat signifikan fungsinya dalam kehidupan manusia dan saling bergantungan antara satu sama lain. Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din & Abdul Razak @ Abdulroya Panaemala (2020) menegaskan bahawa penggunaan unsur kosmos sebagai kata kunci dalam sesebuah karya menunjukkan pengarang bukan sahaja berjiwa seni dalam berbahasa malahan memiliki kesedaran tentang hubungan manusia dan alam, iaitu bagai isi dan kuku yang memiliki kepentingan antara satu sama lain. Unsur kosmos dikesan melalui penggunaan simbol yang mewakili sesuatu makna atau idea sebenar bukanlah dilakukan secara sesuka hati malahan mempamerkan kelebihan yang dimiliki seseorang pengarang dalam membuat pengamatan dan perenungan yang tajam terhadap unsur alam. Muhammad Afandi Yahya (1995) menyatakan bahawa simbol yang didapati adalah hasil daripada pengaruh sejarah, kehidupan seharian, kepercayaan agama dan alam sekitar. Penonjolan unsur kosmos oleh Abang Median menunjukkan bahawa beliau memiliki sensitiviti dan kepekaan terhadap alam ciptaan Tuhan yang memiliki fungsinya yang tersendiri kepada kehidupan manusia. Kesedaran dan kepekaan pengarang akan kebesaran, keajaiban dan kemuliaan Tuhan amat signifikan dalam JHYP apabila pengarang berusaha memelihara hubungan tiga serangkai, iaitu antara manusia, alam yang diwakili kunang-kunang dan Tuhan sebagai pencipta yang telah menyatukan sebuah keluarga yang terpisah. Perkara ini pula berupaya mendakwahkan khalayak agar memelihara hubungan tiga serangkai ini.

Pencarian Ialah Perjuangan Mencari Akar Umbi

Konseptualisasi “pencarian” dalam JHYP didapati memiliki medan makna yang signifikan dalam novel ini kerana salah satu persoalan novel ini adalah tentang pencarian asal usul kerana watak-wataknya dahagakan penyatuan sebuah keluarga akibat perpecahan puluhan tahun yang lalu. Konseptualisasi “pencarian” oleh watak Khair memaknakan perjuangan dalam mencari identiti dirinya yang hilang sejak zaman kanak-kanak lagi. Konseptualisasi “pencarian” dipaparkan sebagaimana dalam Rajah 3 berikut:

Rajah 3

Medan Makna Konsep Pencarian



Konseptualisasi pencarian digarap berdasarkan tujuh medan makna, iaitu “tersesat”, “kehilangan punca”, “penggap kedukaan”, “sejarah yang terpenggal”, “pengembara luka” “kehampaan”, dan “titik-titik buntu”. Medan makna ini diteliti menerusi watak Khair, iaitu anak bongsu Zullafi dan Alfiera yang dilarikan oleh Brown atau Sadiq (setelah memeluk Islam) ke kota London. Watak Khair membuat pencarian keluarganya di sekitar Limbang atas maklumat pemberian Brown. Limbang merupakan bahagian yang paling hampir dengan pengarang dan bersebelahan dengan Miri. Kedudukan ini memberikan pengaruh kepada pengarang untuk menggunakan latar Limbang dan Miri sebagai latar penceritaan. Konseptualisasi pencarian dalam JHYP terdapat dalam petikan berikut:

“Hari ketiga, keempat dan kelima, Khair seakan-akan **tersesat** dalam pekan kecil yang memberi pengertian yang besar dalam hidupnya. Khair berasa serba kekok. Mengapa perlu canggung sedangkan dia berada di tanah kelahirannya sendiri? Ya, tanah kelahiran yang lama telah ditinggalkan! Dia **kehilangan punca**”.

(Abang Median Abang Said, 2020, p. 280)

"Dia pergi ke gerai-gerai makan, bertanya apa-apa yang perlu, jawapan yang diperoleh tetap menghantarnya ke ruang ***pengap kedukaan***. Mak cik-mak cik yang dijumpainya tidak mengenali siapa yang dia maksudkan seperti tubuh ***sejarah yang terpenggal***. Dia masih seperti ***pengembara luka*** yang tercari-cari hakikat matlamat. ***Kehampaan*** menusuk ke dalam hati. Semuanya menemui ***titik-titik buntu***, namun tidak akan menoktahkan usahanya".


(Abang Median Abang Said, 2020, p.281)

Berdasarkan petikan pada halaman 280 dan 281, pengarang menzahirkan konseptualisasi pencarian watak Khair anak bongsu Zullafi menerusi penggunaan tujuh medan makna. Dalam pencariannya, Khair tersesat di tempat kelahirannya sendiri sehingga tidak menemukan maklumat yang dicari. Kenapa tersesat di tanah kelahirannya? Puncanya dia terpisah sejak kecil dengan keluarganya di Limbang. Apabila seseorang tersesat, maka akan *kehilangan punca* kerana maklumat yang dicari tidak ditemukan dalam pencarian tersebut. Justeru, pengarang mengkonsepsikan pencarian dengan "sejarah yang terpenggal" kerana Khair terputus hubungan dengan keluarga kerana di Limbang hanya zaman kecilnya. Sejarah kehidupannya di Limbang terhenti setelah dia dilarikan oleh Brown ke London sehingga dia tidak lagi mengetahui tempat asal usul kelahiran dan jati dirinya. Dalam pencarian, apabila tidak menemukan perkara dan maklumat yang dicari, maka pengarang mengkonsepsikan pencarian Khair sebagai "pengembara luka", "kehampaan" dan "titik-titik buntu". Konsep "pengembara luka", "kehampaan" dan "titik-titik buntu" mencitrakan kekecewaan, kegagalan dan kesedihan seorang pengembara, iaitu Khair yang terbang dari Kota London ke Limbang semata-mata untuk mencari asal-usul dirinya, namun tidak kesampaian dan menemukan jalan buntu. Pemilihan dan penggunaan konsep-konsep tersebut bersesuaian dengan pencarian Khair untuk menemukan akar umbinya. Khair langsung tidak mendapat sebarang maklumat tentang ahli keluarganya, malahan orang yang ditanyakannya juga tidak mengetahui tentang keluarganya.

Pencarian Khair dalam JHYP memaknakan perjuangan mencari identiti diri walaupun menemukan kegagalan dan kekecewaan. Walau bagaimanapun, pencarian ini mengkomunikasikan makna dan mesej bahawa segala cabaran perlu ditangani walaupun banyak onak dan duri. Khair berusaha untuk mencari jati dirinya yang sebenar walaupun cuba disembunyikan oleh Brown kerana tidak mahu Khair kembali kepada keluarga asalnya. Akar budaya Khair hilang apabila terputus hubungan dengan keluarga asalnya di Limbang. Aspek rohani dan amalan akidah sebagai Islam tidak dipraktikkan oleh Khair akibat tindakan Brown. Tindakan Brown yang mengambil keputusan melarikan Khair sewajarnya menjadi pengajaran kepada khalayak agar perkara seperti ini tidak berlaku secara realiti kerana mengakibatkan impak yang besar dalam kehidupan Khair sebagai mangsa perbuatan Brown. Konseptualisasi pencarian juga mengimplikasikan aspirasi pengarang bahawa setiap kebuntuan wajar diusahakan penyelesaiannya yang memaknakan bahawa pengarang menjadi saluran penyelesaian masalah kehidupan.

Perpindahan Ialah Kehidupan Hakiki

Konsep perpindahan dalam JHYP memaknakan kehidupan hakiki dalam usaha seseorang mencari keredaan Allah di dunia ini. Dalam konseptualisasi perpindahan ini amat jelas pengaruhnya dalam diri pengarang yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam sebagai penganut Islam sejati sehingga diteguhkan dalam novel ini menerusi watak Jenny. Perkara ini membuktikan bahawa agama bukanlah perkara yang boleh diperlekeh malahan menjadi pegangan bagi seorang muslim dan muslimah. Konsep ini dimanifestasikan oleh watak seorang gadis Inggeris bernama Jenny yang memeluk agama Islam menerusi perkahwinan. Konseptualisasi perpindahan dalam JHYP terdapat dalam Rajah 4 berikut:

Rajah 4*Medan Makna Konsep Perpindahan*

Konseptualisasi “perpindahan” diprojeksi berdasarkan empat medan makna perpindahan, iaitu “keagamaan”, “kehidupan baharu”, “mendapatkan yang halal” dan “rumah sendiri” sebagaimana yang ditelusuri menerusi watak Jenny, iaitu anak kepada Benjamin dan Susan. Jenny membuat keputusan untuk berkahwin dengan Khair. Pertama, *perpindahan agama dari agama asalnya dengan memeluk Islam*. Justeru, Jenny membuat persiapan dari segi fizikal dan mental menerusi berpindah agama atau memeluk agama Islam sebagaimana dalam petikan berikut:

“Pertama sekali, **aku memang perlu berpindah dari aspek keagamaan**. Aku memang memerlukan bantuan kau tentang perkara ini. Banyak yang aku perlu pelajari. Aku tidak mahu menjadi wanita yang hanya dicelupkan dengan warna mengikut suami sedangkan hatinya masih lagi dengan warna asal. Kau faham maksud aku?”. (Abang Median Abang Said, 2020, p. 184)

Dalam petikan ini, watak Jenny memiliki tekad dan kesungguhan untuk menjadi seorang muslim setelah berkahwin dengan Khair. Pemikiran Jenny sebenarnya suara dan jiwa pengarang sebagai seorang muslim sejati sehingga mempengaruhi cara Jenny berfikir. “Aku tidak mahu menjadi wanita yang hanya dicelupkan dengan warna mengikut suami sedangkan hatinya masih lagi dengan warna asal” jelas menzhahirkan keazaman, kesungguhan dan tawaduknya watak Jenny untuk mengubah kehidupannya dalam beragama. Perpindahan agama bermakna perpindahan rohani kerana Islam itu syumul yang mementingkan akidah dan akhlak kepada seseorang yang sudah bertekad dan bersedia untuk menganutinya. Kesungguhan watak Jenny merupakan cerminan kerohanian pengarang yang dapat diinterpretasikan oleh pembaca dalam meneguhkan tunjang kehidupan beragama walaupun hanya seorang mualaf. Perpindahan kedua yang dirungkai daripada hasrat watak Jenny ialah *perpindahan secara fizikal, iaitu memiliki rumah sendiri*, tidak tinggal bersama keluarganya. Buktinya terdapat dalam petikan berikut, iaitu: “**Kita perlu berpindah rumah**. Kita tidak boleh terus tinggal bersama-sama ayah”. Jenny berujar tenang (Abang Median Abang Said, 2020, p.184). Berdasarkan petikan “Kita perlu berpindah rumah” bermakna melakukan perpindahan secara fizikal ke tempat atau rumah baharu dan tidak tinggal bersama-sama dengan ibu bapa. Perpindahan ke rumah baharu akan memberikan ruang dan peluang yang lebih besar kepada Jenny untuk menjalani kehidupan

sebagai seorang muslim. Suasana rumah baharu akan memberikan nafas baharu dalam kehidupan mereka sebagai suami isteri dengan kelengkapan, peralatan dan kemudahan yang baharu serta menzahirkan kehidupan sebagai seorang Islam.

Perpindahan ketiga pula mengkomunikasikan makna perpindahan untuk *membina kehidupan baharu* setelah berpindah daripada kehidupan asalnya. Jenny dalam JHYP menyatakan bahawa:

"Kita perlu **membina kehidupan baharu**. Lagipun, tentu tidak baik jika urusan rumah tangga kita dicatur dan dicampur oleh orang tua. Kita perlu berdikari dan boleh berdiri dengan kaki sendiri. Kita menjadi tidak bebas membuat keputusan".

(Abang Median Abang Said, 2020, p.185)

Berdasarkan petikan di atas, watak Jenny diperagakan oleh pengarang sebagai saluran yang menyampaikan mesej, aspirasi dan prinsip hidup pengarang sebagai seorang muslim. Seseorang yang hendak menjadi muslim sejati harus membina kehidupan baharu atau kehidupan sendiri yang tidak dibelenggu campur tangan keluarga. Kehidupan baharu memberikan kebebasan kepada mereka untuk membuat keputusan dan hidup berdikari sebagaimana yang ditegaskan watak Jenny. Kehidupan baharu yang diusulkan oleh Jenny menyirati kehidupan yang memerlukan mereka berfikir dan bertindak berlandaskan hukum dan peraturan sebagai seorang Muslim. Perpindahan keempat pula ialah *perpindahan mendapatkan yang halal* sebagaimana dalam petikan:

"Kita juga pastinya perlu menyisihkan rasa ragu dan waswas. Jadi, jalan terbaik tentunya perlu berpisah dapur. Tidak semua boleh dikongsikan bersama-sama. Tentu kau lebih maklum berbanding dengan aku. **Yang halal untuk mereka, belum tentu halal untuk kita**".


(Abang Median Abang Said, 2020, p.185)

Walaupun watak Jenny bakal menjadi mualaf, namun pengarang meneguhkan prinsip keislaman dalam aspek rohani watak Jenny dengan pengetahuannya tentang hukum halal dan haram sehingga memperlihatkan kesediaannya untuk menjadi muslim sejati. Jenny memahami konsep waswas dan ragu-ragu dalam Islam yang berkaitan dengan makan minum jika bercampur dengan orang tuanya dan menggunakan dapur yang sama. Hukum halal dan haram amat diketahui Jenny dengan mendalam sebagai persediaannya untuk menjadi muslim. Pengarang mengkomunikasikan mesej menerusi watak Jenny bahawa Islam memiliki peraturan, hukum, norma dan sistem nilainya yang tersendiri. Justeru, setiap insan wajib memiliki prinsip dan pegangan hidup sebagai landasan dan sendi untuk mendapatkan kesejahteraan dan keberkatan. Setelah memeluk Islam, Jenny menukar namanya kepada Ashalina serta berkahwin dengan Khair dan mereka berpindah tinggal di apartmen baharu.

Pemilihan dan penggunaan konseptualisasi perpindahan menerusi perpindahan dari segi "keagamaan", "kehidupan baharu", "mendapatkan yang halal" dan 'rumah sendiri' amat berasosiasi dengan mesej perpindahan dari segi kerohanian menerusi watak Jenny. Konsep perpindahan dalam JPYH memaparkan medan makna yang luas dan holistik dari aspek fizikal kepada kerohanian yang berkaitan akidah dalam Islam. Konseptualisasi perpindahan dari segi kerohanian ini mengkomunikasikan makna sebenar bagi seseorang yang hendak memeluk agama Islam selain memaknakan pemikiran keagamaan yang digagaskan oleh Abang Median dalam novel ini.

Kunang-Kunang Simbol Penyatuan

Abang Median juga menggunakan simbol bagi mengkonsepsikan makna yang hendak disampaikan. Konseptualisasi kunang-kunang atau kelip-kelip dijadikan simbol penyatuan keluarga yang telah terpisah puluhan tahun. Zullafi dan Khair terpisah dari segi geografi, fizikal, perasaan, budaya, akar umbi dan jati diri akibat tindakan Brown yang melarikan Khair yang berusia enam tahun ke London. Khair turut terpisah dengan abangnya Zahid dan kakaknya Amani. Perpisahan ini telah memenggal jati diri dan pegangan agama Khair kerana Brown gagal mendidik dirinya dalam hal keagamaan walaupun Brown sentiasa memastikan Khair yang menghidap autisme sihat dan berjaya. Walau bagaimanapun, kunang-kunang menjadi simbol yang menyatukan keluarga ini kerana setiap daripada mereka didekati kunang-kunang termasuklah Brown sama ada menerusi mimpi maupun secara fizikal. Abang Median menggunakan kunang-kunang sebagai simbolik dalam novel ini kerana kunang-kunang sejenis serangga yang unik kerana mengeluarkan cahaya. Kunang-kunang ialah serangga yang terkenal dengan kemampuannya menghasilkan cahaya atau disebut juga dengan bioluminesensi yang termasuk dalam keluarga *Lampyridae*. Cahaya yang dihasilkan oleh kunang-kunang memiliki tujuan tertentu; misalnya kunang-kunang jantan menghasilkan cahaya untuk menarik perhatian kunang-kunang betina dalam proses perkahwinan. Kunang-kunang betina biasanya akan memilih kunang-kunang jantan dengan pola cahaya yang sesuai dengan preferensinya. Selain itu, kunang-kunang juga menggunakan cahaya untuk pertahanan diri. Kelebihan dan keunikan fitur kunang-kunang yang begitu simbolik ini menjadi titik tolak kepada Abang Median untuk menggunakan kunang-kunang sebagai konsep penting dalam novel ini. Keintiman keluarga Zullafi dengan kunang-kunang dapat diteliti menerusi rajah berikut:

Rajah 4*Medan Makna Kunang-Kunang*

Kunang-kunang menjadi simbol yang signifikan kepada keluarga Zullafi kerana setiap mereka ada cerita tersendiri tentang kunang-kunang. Zullafi sering bermimpi tentang kunang-kunang sebagaimana dalam petikan berikut:

"Hampir setiap malam, Zullafi bermimpi tentang kunang-kunang yang memenuhi biliknya sehingga nafasnya menjadi sesak. Tetapi malam tadi, dia bermimpi kunang-kunang itu membawanya terbang ke sebuah negeri yang jauh. Kanak-kanak itu dikelilingi oleh kunang-kunang yang begitu jinak dan mengerti dengan kemahuannya. Ketika bangun, ada dua ekor kunang-kunang dalam biliknya."

"Mimpi Zullafi yang aneh memberikan firasat dan bayangan tentang Khair (kanak-kanak dalam mimpi) yang hilang. Mimpinya bahawa kunang-kunang membawanya terbang ke sebuah negeri yang jauh dan asing (aneh) yang menyirati keberadaan Khair yang memang jauh daripadanya kerana Khair dilarikan oleh Brown ke London. Setelah kehilangan Khair, tidur Zullafi sering terganggu dan kunang-kunang bukan sahaja wujud dalam mimpinya malahan benar-benar ada dalam biliknya. Kunang-kunang yang mendekati Zullafi wujud dalam mimpi dan secara fizikal."

(Abang Median Abang Said, 2020, p. 98-99)

Sementara Khair amat intim dengan kunang-kunang sejak kecil lagi. Setelah dilarikan Brown ke London sejak dia berumur tujuh tahun, Khair menganggap Brown sebagai ayahnya. Brown yang menjaga, memastikan kesihatannya terjamin kerana Khair merupakan anak autisme. Khair sendiri mengakui keakrabannya dengan kunang-kunang sejak kecil seperti dalam petikan:

"Setiap kali kami berbaring di taman dan pantai pada waktu malam, pasti ada kunang-kunang yang berkerumun menghampiri. Bilangannya bukan sedikit sehingga aku menjadi lelaki kerdipan cahaya. Ayah juga menggelarku sebagai "Lelaki Kunang-kunang."

(Abang Median Abang Said, 2020, p. 126-127)

Petikan tersebut menandakan bahawa Khair amat intim dengan kunang-kunang kerana sering dikelilingi dan bermain dengan kunang-kunang dalam jumlah yang banyak sehingga Brown menggelarnya "Lelaki Kunang-kunang". Perkara ini turut diakui oleh Imam tua yang melihat Khair dikelilingi kunang-kunang ketika Khair datang untuk menjelaki akar umbinya sebagaimana dalam petikan:

"Tatkala Khair melangkah, imam tua itu ingin menghentikannya, tetapi dia hanya tergamam begitu sahaja sambil mengucapkan zikir tatkala melihat Khair dikelilingi kunang-kunang yang berkerdipan. Imam itu bergumam, "Semoga kunang-kunang itu turut mendoakan hajatnya."

(Abang Median Abang Said, 2020, p. 284)

Imam tua berjumpa Khair ketika Khair balik ke Limbang untuk mencari keluarganya, namun pencariannya tidak berhasil. Dia seolah-olah tidak mengenali dan tidak dikenali kerana semua orang yang ditanyanya tidak mengetahui tentang keluarganya. Walaupun, Khair gagal dalam misinya untuk mencari keluarganya, namun kewujudan kunang-kunang seolah-olah memberikan harapan. Justeru, Khair meminta anaknya, Qaem untuk menjadi guru sukarela di Limbang dengan harapan akan menemui ahli keluarganya yang telah terpisah berpuluhan-puluhan tahun. Kedatangan Qaem ke Limbang untuk menjadi guru sukarela dan mendalamai budaya akar umbi keturunannya telah menemukannya dengan Zahid atau Pak Ayed, iaitu bapa saudaranya, abang kepada Khair. Pada peringkat awal, mereka tidak mengetahui bahawa mereka memiliki pertalian darah, namun Pak Ayed agak terkejut apabila melihat kunang-kunang mengiringi Qaem sebagaimana dalam petikan berikut:

“Memang tidak terduga. Tidak berkelip mata Pak Ayed melihat kelip-kelip mengiringi Qaem. Fikirannya seperti merebat ke masa lalu. Masa lalu yang indah, dengan kerinduan yang masih tebal. Mulut Qaem sendiri melongo. Tapi, kunang-kunang itu telah datang sendiri dalam jumlah yang banyak.”

(Abang Median Abang Said, 2020, p. 276)

Pak Ayed terus teringat pada masa lalu kerana semasa kecil, adiknya Khair sering dikelilingi dan bermain dengan kunang-kunang sehingga dia merindui masa lalu. Qaem sendiri juga tidak menyangka dia didekati kunang-kunang sedangkan dia hendak mencari kunang-kunang. Peristiwa ini ada magisnya sendiri yang belum diketahui oleh Pak Ayed maupun Qaem. Sementara Brown juga bermimpi didatangi kunang-kunang sebagaimana dalam petikan:

“Brown memegang dadanya sendiri. Dadanya yang berombak seperti laut di hadapan pandangannya. Laut menghempas dan melemaskannya. Nafasnya terasa sesak seperti ikan terdampar di pantai. Sekonyong-konyong dia teringatkan mimpiinya malam tadi tatkala jutaan kunang-kunang membawanya terbang dan pergi dari muka bumi.”

(Abang Median Abang Said, 2020, p.211)

Brown bermimpi jutaan kunang-kunang telah membawanya terbang jauh dari muka bumi yang memberikan petanda bahawa dia mengalami penderaan emosi akibat perasaan bersalahnya puluhan tahun dahulu kerana melarikan Khair. Kunang-kunang dalam mimpi Brown juga memberikan petanda bahawa ajalnya sudah sampai. Brown mengalami sesak nafas yang amat teruk yang akhirnya meninggal dunia. Watak Zahid, anak sulung Zulhafi menyaksikan kunang-kunang di rumah pusaka ayahnya sebagaimana dalam petikan:

“Kunang-kunang itu masih ada dan hampir sama seperti dahulu menerangi bilik yang gelap ditutupi langsur menyatu dengan mimpiku hingga aku memperoleh kepakaran mengurut. Untuk siapakah balang kunang-kunang itu? Untuk ayah, ibu dan Uncle Brown? Atau untuk aku, Khair dan Amni? Kunang-kunang itu begitu intim dalam rentetan hidup kami yang mengelip-ngelip antara terang dan gelap. Cahaya yang mempunyai falsafahnya sendiri. Cahaya biarpun sedikit akan memberi makna di dalam gelap.”

(Abang Median Abang Said, 2020, p.331)

Zahid, anak sulung Zullafi berasa bahawa kunang-kunang yang sering dilihatnya sejak kecil memiliki magis dan istimewa kepada keluarganya. Setiap mereka memiliki pengalaman yang berbeza dengan kunang-kunang, namun mengkomunikasikan makna keintiman sebagaimana kata-kata Zahid “Kunang-kunang itu begitu intim dalam rentetan hidup kami”. Kehadiran kunang-kunang dalam kehidupan keluarganya ada falsafah tersendiri kerana melambangkan penyatuan dan harapan walaupun cahaya dari kunang-kunang itu sedikit, namun mampu menerangi kegelapan.

Kemagisan dan keajaiban simbol kunang-kunang yang dihadirkan oleh Abang Median dalam novel ini diakui watak Zahid "Tidak dapat difahami persamaan keajaiban itu selain persamaan simbolnya, iaitu kunang-kunang. Adakah semua itu secara kebetulan (*Jejak Hilang Yang Pulang*, 2020, p. 294). Pengaruh unsur kosmos menjadikan watak kunang-kunang menyirati makna yang mendalam dalam novel ini. Konseptualisasi kunang-kunang amat signifikan maknanya kepada penyatuan sebuah keluarga yang terpisah puluhan tahun walaupun kunang-kunang ciptaan-Nya hanya serangga bersaiz kecil. Setiap ciptaan Tuhan terdapat pelbagai fungsinya. Pengarang sebagai insan yang bijaksana sentiasa peka dengan setiap ciptaan-Nya kerana setiap kejadian-Nya penuh rahsia. Sesetengah daripada rahsia itu tidak mampu diramalkan oleh manusia buat selama-lamanya. Che Abdullah Che Ya (2018) menegaskan bahawa Allah tidak menciptakan sesuatu kejadian itu melainkan ada tujuan dan hikmah tersendiri. Justeru, Abang Median menzahirkan aspirasinya untuk menyampaikan mesej keinsafan kepada khalayak agar menjadi pencinta alam yang erat hubungannya dengan manusia. Sara Beden (2022) menegaskan bahawa Abang Median Abang Said turut dipengaruhi unsur alam semesta atau kosmos seperti kunang-kunang, ombak, pantai, pasir, laut dan anai-anai bagi memaknakan mesej, motif maupun pemikiran yang hendak disampaikan kepada khalayak.

Pembangunan Cermin Kemajuan

Dalam JHYP, Abang Median memperlihatkan kepekaannya dengan bidang pembangunan di Sarawak yang merupakan tanah kelahirannya. Pembangunan di Sarawak dideskripsikan menerusi kemajuan dan pemodenan di kawasan pedalaman sebagaimana dalam petikan pada halaman 308 dan 312 berikut:


"Qaem terkesima melihat sendiri kemodenan masyarakat di pedalaman. Rumah-rumah panjang diperbuat daripada batu konkrit. Setiap rumah juga mempunyai siaran televisyen berbayar biarpun masih lagi menggunakan enjin generator. Banyak kampung juga telah dihubungkan dengan perkhidmatan Internet berkapsititi tinggi. Malah, ada kampung dibekalkan dengan perkhidmatan Internet percuma yang disediakan oleh kerajaan."

(Abang Median Abang Said, 2020, p.308)

"Qaem melongo melihat rumah banglo yang tersergam indah di pedalaman. Lengkap dengan kolam renang yang besar lagi. Di tepi banglo itu pula ada kolam ikan. Rumah itu milik Jok Ding yang banyak memiliki geran gua. Gua-gua itu menyimpan kekayaan yang luar biasa kerana menjadi tempat burung walit membuat sarang dengan air liurnya yang kaya dengan khasiat alam."

(Abang Median Abang Said, 2020, p.312)

Konseptualisasi pembangunan menzahirkan kemajuan yang dikecapi masyarakat. Kedua-dua petikan di atas menzahirkan kemajuan dalam bidang pembangunan di Sarawak. Penduduk di kawasan pedalaman menunjukkan peningkatan taraf hidup hasil keprihatinan pihak kerajaan. Qaem menyaksikan kemajuan yang jauh lebih baik daripada zaman nenek dan ayahnya. Konseptualisasi pembangunan dan perincianya dalam JHYP digambarkan dalam rajah dan huriaian berikut:

Rajah 6*Medan Makna Pembangunan*

Rumah panjang konkrit lambang kemajuan dan pemodenan yang memiliki fitur berikut; cenderung mempunyai jangka hayat yang lebih lama berbanding dengan jenis pembinaan lain, pembinaan konkrit memberikan perlindungan yang baik daripada kelembapan dan kebocoran air, kos pembinaan lebih tinggi berbanding dengan pembinaan tradisional dan masa yang diambil untuk kerja pembinaan serta keperluan teknikal yang lebih kompleks. Perkhidmatan Internet menandakan tahap kemajuan mahupun kecanggihan yang dicapai atau diupaya oleh sesebuah tempat, negeri mahupun negara. Pemberian internet percuma menandakan kemampuan kerajaan dalam membangunkan kehidupan rakyat dengan menyediakan kemudahan secara percuma. Internet berkapasiti tinggi pula merujuk kepada pengiriman data cepat; pengguna dapat mengakses dan memindahkan data dalam waktu singkat, pengalaman pengguna yang lebih baik kerana internet berkapasiti tinggi memungkinkan pengguna untuk melakukan aktiviti dalam talian seperti *streaming video*, *gaming* dan persidangan video dengan lancar dan tanpa gangguan. Penggunaan Internet berkapasiti tinggi juga melambangkan pertumbuhan ekonomi kerana mendorong inovasi teknologi dan pertumbuhan ekonomi dengan membuka peluang baharu dalam bidang perniagaan, pendidikan dan sektor lainnya.

Siaran televisyen berbayar pula menandakan tahap kehidupan yang baik kerana kemampuan rakyat atau penduduk untuk membayar penggunaannya. Penyedia sistem televisyen berbayar yang popular adalah seperti Astro, penyedia televisyen berbayar terbesar di Malaysia dan menawarkan pelbagai paket saluran yang mencakup saluran tempatan dan internasional. Seterusnya, Unifi TV, iaitu layanan televisyen berbayar dari Telekom Malaysia (TM) selain HyppTV, iaitu layanan televisyen berbayar yang juga disediakan oleh TM. Rumah banglo di kawasan pedalaman juga melambangkan kemajuan dan tahap kehidupan yang baik. Watak Jok Ding digambarkan memiliki rumah banglo dan geran gua burung walit yang nilai ekonominya amat lumayan. Rumah banglo memiliki fitur; satu unit tunggal, berdiri sendiri, dikelilingi oleh tanah yang luas. Rumah banglo seringkali memiliki tataletak yang luas dan terbuka dengan ruang yang diperuntukkan untuk pelbagai fungsi untuk pemilik rumah melakukan aktiviti seperti berkebun, mengadakan acara dan menikmati keindahan alam. Rumah banglo juga memiliki nilai hartaanah (*property*) yang lebih tinggi (mahal) selain menawarkan gaya hidup yang eksklusif. Konseptualisasi pembangunan dalam JHYP mencerminkan kemajuan

yang dikecapi sesebuah tempat atau kawasan yang dahulunya mundur khususnya di kawasan Limbang. Abang Median menggunakan saluran penulisan kreatif untuk merekayasa makna dan mesej kepada khalayak tentang pembangunan di Sarawak.

Anai-Anai Simbol Perosak

Abang Median juga menggunakan konseptualisasi anai-anai dalam JHYP untuk menyampaikan pemikirannya tentang tindakan pihak tertentu yang memberikan kesan kepada masa depan, sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiobudaya tempatan. Watak Asimah dalam JHYP mengkritik tindakan pihak majikan yang suka menggaji pekerja Indonesia berbanding penduduk tempatan yang dianalogikannya tindakan tersebut ibarat anai-anai sebagaimana dalam petikan berikut:

“Menurut Asimah, kebanyakan pekerja di ladang kelapa sawit itu ialah pekerja daripada Indonesia.


“Anak tempatan seperti meminta-minta di negara sendiri.” Qaem masih ingat kata-kata sinis yang terlontar dari bibir mungil Asimah. Qaem dapat merasai kekecewaan Asimah. Banyak natijah ekonomi, sosiopolitik dan kebudayaan yang akan berlaku jika perkara itu tidak dikawal. Kesannya mungkin tidak berapa jelas dalam waktu yang terdekat. Namun, semua itu seperti *anai-anai* yang memusnahkan sesuatu dari dalam. Perlahan tapi total”.

(Abang Median Abang Said, 2020, p.327)

Berdasarkan petikan tersebut, kritikan Asimah terhadap tindakan pihak majikan yang diibaratkan sebagai anai-anai dirumuskan dalam Rajah 7 berikut:

Rajah 7

Medan Makna Anai-Anai



Berdasarkan Rajah 7, ada empat medan makna yang berupa kesan jangka panjang menerusi konseptualisasi anai-anai oleh Abang Median yang dikatakan perlahan tetapi total, iaitu memberikan impak secara menyeluruh. Anai-anai dianalogikan sebagai pemusnah harapan masa depan anak muda kerana "anak tempatan ibarat meminta-minta di negara sendiri" untuk bekerja apabila majikan lebih mengutamakan pekerja luar untuk mengurangkan kos dan mendapatkan untung. Anai-anai ini memberikan kesan dari segi sosioekonomi masyarakat. Situasi ini menyebabkan pengurangan peluang pekerjaan untuk pekerja tempatan sehingga menyumbang kepada isu pengangguran. Pekerja asing biasanya mengirimkan wang mereka ke negara asal mereka yang menjelaskan nilai mata wang tuan rumah. Anai-anai ini juga memberikan kesan dari segi sosiopolitik apabila jumlah pekerja asing khususnya dari Indonesia terlalu ramai. Kehadiran pekerja asing yang signifikan dapat mempengaruhi agenda politik dan aspek imigrasi di sesebuah negara. Isu-isu imigrasi dan perlindungan tenaga kerja menjadi fokus perdebatan politik dan mempengaruhi tindakan, panduan atau peraturan yang memungkinkan kewujudan dinamika politik di negara tersebut. Shuto (2006) menyatakan bahawa pekerja migran yang datang untuk mencari kerja di tempat lain merupakan proses migrasi yang mengakibatkan situasi migrasi yang tidak dapat dikawal dan keadaan ini telah menjadi lebih buruk dengan kedatangan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke sesebuah negara.

Anai-anai turut memberikan kesan negatif kepada sosiobudaya. Perbezaan bahasa, agama, nilai-nilai dan norma sosial menyulitkan proses integrasi dan menciptakan jurang budaya antara pekerja asing dan penduduk tempatan yang berupaya mewujudkan pelbagai impak sosial. Kehadiran pekerja migran secara atau tidak sah yang membanjiri tanah air membawa kepada pelbagai masalah terutama dari sudut ancamannya terhadap kesejahteraan dan kepentingan awam di negara ini. Persepsi ini dilihat kerana mereka terlibat dan menjurus kepada aktiviti atau kegiatan yang membahayakan penduduk tempatan dengan meningkatnya kadar jenayah berbentuk konvensional. Trend baru dalam perlakuan jenayah melibatkan jenayah rentas sempadan atau jenayah transnasional yang merangkumi penyeludupan senjata api, dadah, kenderaan serta perjudian. Konseptualisasi anai-anai dalam JHYP ternyata memberikan makna terhadap isu-isu dan impak yang besar. Abang Median mengkomunikasikan makna pemikirannya tentang kebanjiran pekerja asing dengan menganalogikan anai-anai sebagai simbol kemusnahan mahupun perosak dalam novel ini. Perkara ini mengundang kekecewaan yang menjelaskan masa depan dan peluang dalam kalangan anak muda. Pengarang menghantar makna dan mesej menerusi watak "anai-anai" agar majikan memikirkan masa depan anak tempatan dengan menggunakan *ambivalence* menerusi pemberian upah yang munasabah demi masa depan mereka.

Kesimpulan

Secara rangkumannya, didapati pengarang novel ini, iaitu Abang Median berupaya memprojeksikan suatu garapan serpihan-serpihan kehidupan yang akhirnya bercantum menjadi perca kenangan yang utuh. Konseptualisasi pencarian, perpindahan, kehidupan, kunang-kunang, pembangunan dan anai-anai mempunyai makna tentang kehidupan, mesej dan motifnya, iaitu memberikan kesedaran kepada khalayak agar mempraktikkan kehidupan berlandaskan hukum-hukum, nilai budaya, jati diri dan norma masyarakat agar kehidupan mendapat keberkatan dan kesejahteraan. Abang Median menzhahirkan falsafah bangsa yang berhubung dengan jati diri dan penekanan kepada prinsip-prinsip dan akidah sebagai seorang Islam sejati. Garapan dan naratif kepenggarangan beliau menzhahirkan sikap sensitif dan kepekaan serta pengamatan yang tajam terhadap isu-isu yang intim dengan kehidupan manusia. Rangkumannya, novel JHYP berupaya menjentik jiwa khalayak menerusi pemupukan serta pelestarian nilai budaya bangsa yang merupakan tunjang tamadun sesebuah bangsa.

Rujukan

- Abang Median Abang Said. (2020). *Jejak hilang yang pulang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatul Adawiah (2015). Pemikiran politik: Pemimpin dan kepemimpinan dalam Novel Shahnon Ahmad. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1), 67-78.
- Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Mardian Shah Omar & Nurul Ain Razali. (2020). Eutopia novel *Baldatun Thoifyibatun* dari perspektif Teori Konseptual Kata Kunci. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 1, 112-132.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-341.
- Dilah Tuah. (2020, November 23). Jejak Hilang yang Pulang: Sebuah bacaan hermeneutik. *Utusan Borneo*.
- Hamzah Hamdani (Ed.). (1988). *Konsep dan pendekatan sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Innis, R. E. (1985). *Semiotics: An introductory anthology*. Indiana University Press.
- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Pustaka Karya.
- Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamaruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 17-25.
- Mohd Daud Ibrahim. (2015). *Cinta kepada Ilahi dalam puisi Darma Mohammad*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2007). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman. (2015). Konsep Perjuangan Anwar Ridhwan dalam Novel Penyeberang Sempadan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 141-166.
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme dalam seni bina rumah Melayu Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 183-194.
- Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din & Abdul Razak @ Abdulroya Panaemala. (2020). Unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang Juita* karya Muhammad Haji Salleh. *Malaysian Journal of Social Science & Humanities (MJSSH Online)*, 4(4), 97-112.
- Raja Rajeswari Seetha Raman. (2015). *Simbol dalam cerpen-cerpen Anwar Ridhwan: Kajian Konseptual Kata Kunci*. [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Sara Beden. (2022, Julai 18). Kunang-Kunang dan Ombak dalam *Jejak Pulang yang Hilang*. *Utusan Borneo*.

Shuto, M. (2006). Labour migration and human security. Dalam H. Kleinschmidt (Ed.). *Migration, regional integration and human security: The formation and maintenance of transnational spaces* (pp. 205-224). Ashgate Publishing Limited <https://doi.org/10.4324/9781315248950>

Zalilah Zainudin. (2007). *Konseptual Kata Kunci: Aplikasi terhadap cerpen-cerpen Karya Keris Mas*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.